

Rabu, 10 Julai 2019 | 6:48pm



Penguatkuasa KPDNHEP membuat pemeriksaan di premis membeli buah kelapa sawit selepas didapati mengubahsuai alat penimbang kenderaan dalam operasi bersepadu di Bagan Serai. - Ihsan KPDNHEP

## Tipu alat timbangan peraih sawit kena kompaun RM10,000

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi  
bhnews@bh.com.my

**BAGAN SERAI:** Sebuah premis membeli buah kelapa sawit di sini dikenakan kompaun sebanyak RM10,000, hari ini selepas didapati mengubahsuai alat penimbang.

Serbuan bermula 10 pagi itu dilakukan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Parit Buntar, bersama-sama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Wilayah Utara, Majlis Daerah Kerian dan Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd.

Ketua Cawangan Pejabat KPDNHEP Parit Buntar, Mat Jidin Hassan, berkata operasi bersepadu itu dijalankan hasil maklumat berhubung penipuan timbangan kelapa sawit.

"Sebuah premis yang menjalankan aktiviti pembelian buah kelapa sawit dari penduduk di kawasan Selinsing dan Bagan Serai dikesan melakukan kesalahan mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Pemeriksaan mendapati pemilik premis didapati membuat pengubahaian pada alat penimbang sehingga menyebabkan alat timbangan itu tidak tepat dan menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 20A(1)(e) Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Susulan itu pemilik premis dikenakan kompaun RM10,000 dan mesin penimbang itu perlu menjalani pemeriksaan dan pengesahan daripada Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd dalam tempoh seminggu," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Mat Jidin berkata, kegagalan pemilik premis membayar kompaun dan membaiki penimbang, pemilik premis boleh didakwa di mahkamah, dan jika disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM40,000 atau penjara maksimum tiga tahun.

"Sehingga kini sebanyak sembilan premis sudah diperiksa Pejabat KPDNHEP Parit Buntar yang turut mengambil tindakan atas 51 kes pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan berjumlah RM118,083.

"Kebanyakan kes adalah berkaitan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Timbang dan Sukat 1972," katanya.

Mat Jidin berkata, orang ramai atau penanam kelapa sawit yang meragui mesin penimbang atau berat jualan hasil tanaman sawit di mana-mana premis, boleh membuat aduan terus kepada pihaknya.

